

20/02/2003

Nazri cabar Mustafa debat isu penutupan MRSM

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mencabar Naib Presiden Pas Datuk Mustafa Ali mengadakan debat terbuka bagi membuktikan fitnah terhadapnya berhubung isu penutupan Maktab Rendah Sains Mara - Yayasan Terengganu (MRSM-YT).

Mohamed Nazri berkata, Mustapha tidak perlu takut jika tuduhan kononnya keputusan MRSM-YT Dungun dan Besut itu berikutan dendam peribadinya terhadap bekas Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor, seperti yang dinyatakan dalam cakera padat video (VCD) bertajuk 'Dendam Lama Nazri' adalah benar.

Katanya, beliau bersedia berbahas dengan Mustapha pada bila-bila masa walaupun jika ahli Parlimen Dungun itu menetapkan syarat debat diadakan di kawasannya.

"Saya mahu Mustapha tahu saya sedang mencari dia bagi membuktikan dakwaannya. Beliau gabra (takut), sebab itu dia tutup telefon bimbit apabila setiausaha saya cuba menghubunginya.

"Saya tidak suka penipuan dan saya mahu berbahas dengan beliau bagi membuktikan saya di pihak yang benar," katanya pada sidang akhbar mengenai Hari Kraf Kebangsaan, di sini semalam.

Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil keputusan muktamad menutup MRSM-YT Besut dan Dungun berikutan keengganan Kerajaan Negeri Terengganu menurunkan kuota pengambilan pelajar dari negeri berkenaan yang difahamkan sehingga 80 peratus.

Langkah itu juga berikutan kebimbangan YT akan mengarahkan kampus di Besut dikosongkan kerana sebelum itu kampus di Dungun mendapat notis pengosongan dalam tempoh yang singkat sebelum sesi baru persekolahan bermula.

Mengenai Hari Kraf Kebangsaan yang julung kali diadakan, beliau berkata pelancaran dijadual pada 28 Februari oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.